



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI:PSUKPP.BTMK.600-1/
1/4 (6)

TARIKH : $\frac{4}{4P}$ Safar 1438
 $\frac{4P}{4P}$ November 2016

Semua Ketua Jabatan Negeri,
PULAU PINANG.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri,
PULAU PINANG.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,
PULAU PINANG.

YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN PENGGUNAAN SISTEM MYMESYUARAT 2.0

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *electronic Good Governance* (eGG) Bilangan 3/2016 yang telah diadakan pada 22 September 2016, telah bersetuju untuk menggunakan sistem MyMesyuarat 2.0 di Pentadbiran Negeri Pulau Pinang yang akan mula dikuatkuasakan pada Januari 2017.

3. Untuk makluman YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan, MyMesyuarat merupakan sistem pengurusan mesyuarat dan pemantauan keputusan mesyuarat secara dalam talian yang dibangun menggunakan perisian sumber terbuka (OSS) dalam persekitaran *secured government cloud*. MyMesyuarat dibangun mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991, Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan

Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan dan telah dilesenkan dengan Lesen GPL Versi 2 iaitu sistem ini bebas digunapakai, disalin serta diedarkan tanpa kos pelesenan.

4. Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut juga, penggunaan MyMesyuarat akan dipantau keberkesanan sistem dan kelancaran capaian dalam tempoh percubaan selama 6 bulan memandangkan sistem ini dalam persekitaran *cloud* di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di MAMPU. Bagi melancarkan penggunaan sistem, pihak Jabatan/Agensi Negeri boleh memuat turun Prosedur Operasi Standard (Pengguna MyMesyuarat 2.0) dan Manual Pengguna di <http://portal2.mymesyuarat.gov.my>.

5. Sehubungan dengan itu, setiap Jabatan/Agensi Negeri diminta untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Melantik seorang ketua atau pegawai kanan dari Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan sebagai *Champion* sistem MyMesyuarat 2.0;
- ii. Melantik minimum 2 orang Pentadbir sistem MyMesyuarat 2.0 sebagai penyelaras urusan pendaftaran dan perkhidmatan Meja Bantuan;
- iii. Merancang dan melaksanakan latihan kepada pengguna sistem MyMesyuarat 2.0 di <http://training.mymesyuarat.gov.my>;
- iv. Membuat permohonan kepada MAMPU di <http://portal2.mymesyuarat.gov.my>;

- v. Mengenal pasti mesyuarat dan melaksanakan sistem MyMesyuarat 2.0 (disyor untuk bermula dengan mesyuarat pengurusan dalaman Jabatan/Agensi Negeri);
- vi. Menubuhkan Meja Bantuan MyMesyuarat tahap pertama di peringkat Jabatan/Agensi Negeri;
- vii. Menjalankan program pembudayaan pelaksanaan MyMesyuarat 2.0;
- viii. Memantau pelaksanaan sistem MyMesyuarat 2.0 dan melaporkan kepada Meja Bantuan BTMKN jika terdapat sebarang isu.

Susulan pelaksanaan lapan (8) perkara di atas, pihak Jabatan/Agensi Negeri adalah dimohon untuk mengemukakan maklumbalas bagi perkara (i), (ii), (iv) dan (v) kepada urus setia di BTMKN bagi tujuan pemantauan.

6. Kerjasama dan komitmen YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon bagi menjayakan penggunaan MyMesyuarat 2.0 di pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATO' SERI FARIZAN BIN DARUS]

e.d:

TSUK (Pengurusan)

TSUK (Pembangunan)

SU (BPSM)

SU (BPEN)

SU (BTMKN)

KPSUK (Perumahan)

KPSUK (BKP)

KPSUK (DUN)

KAD

Pengarah (MSN)

KPSU (BKT)

KPSU (Protokol)

KPSU (UKK/I)

Jurutera (BKSA)

SUS Kanan (KM)

Ketua Unit Integriti

Timbalan Pengurus Besar CMI